



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 SEPTEMBER 2016

## Penyerahan Deklarasi Pembangkang hanya gimik

Ulm-18/9/2016

**KUALA LUMPUR 17 Sept.** - Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad menyerahkan Deklarasi Pembangkang kepada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah kelmarin adalah gimik politik semata-mata.

Penganalisis politik, Raja Petra Kamarudin berkata, bekas Perdana Menteri itu mahu membuktikan deklarasinya tersebut adalah satu usaha yang serius bagi menarik perhatian Seri Paduka.

Menurut beliau, Dr. Mahathir juga berharap Majlis Raja-Raja memberi perhatian kepada Deklarasi Pembangkang agar institusi diraja campurtangan dalam gerakan menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Dari segi undang-undang, perkara itu tidak boleh berlaku namun bagi mereka yang ingin menunjuk-nunjuk, ia tidak penting.

"Apa yang penting adalah faktor 'nampak elok' dan ia mesti ada dalam gimik politik," katanya seperti dipetik daripada portal Malaysia Today (<http://www.malaysia-today.net>) hari ini.

Kelmarin, Dr. Mahathir dilaporkan menghadap Seri Paduka di Istana Anak Bukit, Alor Setar untuk menyerahkan Deklarasi Pembangkang.

Raja Petra memberitahu, Dr. Mahathir sepatutnya sedar pertemuannya dengan Seri Paduka itu telah menjerat dirinya sendiri.

Beliau menambah, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia itu sebelum ini mendakwa, Seri Paduka tidak dapat bertemu dengannya kerana 'ditahan dalam rumah'.

"Akhirnya Dr. Mahathir sedar, Seri Paduka berkenan untuk bertemu dengannya bagi membuktikan dakwaan 'ditahan dalam rumah' itu tidak benar," jelasnya.